



GARIS PANDUAN TATACARA PERMOHONAN DAN PENGURUSAN PROJEK DI BAWAH DANA AKAUN AMANAH INDUSTRI BEKALAN ELEKTRIK

DIKENDALIKAN OLEH : ENERGY COMMISSION OF SABAH

SENARAI KANDUNGAN

Muka Surat

1.	Tujuan	2
2.	Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik Sabah	2
3.	Objektif Penubuhan Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik Sabah (AAIBES)	2
4.	Pengurusan Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik (AAIBES)	2
5.	Skop Pembiayaan	4
6.	Permohonan Dana AAIBES	4
7.	Penyaluran Pembiayaan Program/Projek	9
8.	Penutupan Program/Projek	10
9.	Pemilikan Aset Program/Projek	11
10.	Hak Harta Intelek	11
11.	Penamatan Pembiayaan Program/Projek	12
12.	Peranan Dan Tanggungjawab Urusetia AAIBES, ECoS	12
13.	Pelaksanaan Garis Panduan	13
14.	Pertanyaan	13
15.	Rujukan	14

1. TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk dijadikan rujukan oleh pentadbir Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik Sabah (AAIBES), Energy Commission of Sabah serta pemohon/penerima biaya dana AAIBES dalam memastikan tadbir urus dana yang menyumbang kepada pembangunan industri bekalan elektrik negeri Sabah dan kesejahteraan rakyat Sabah.

2. AKAUN AMANAH INDUSTRI BEKALAN ELEKTRIK SABAH (AAIBES)

Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik (AAIBES) (Kod Akaun K75 111 000000 758029 00000000 00000) telah ditubuhkan pada 29 November 2023 selaras dengan kelulusan yang diberikan oleh Kementerian Kewangan Negeri Sabah kepada Jabatan Ketua Menteri pada 22 November 2023 untuk menubuhkan AAIBES. Penubuhan AAIBES berkenaan dibuat melalui satu arahan di bawah Seksyen 9(1) Akta Acara Kewangan 1957 (Akta 61) yang menyatakan bahawa Perbendaharaan boleh menubuhkan akaun-akaun amanah untuk memperakaunkan sumbangan dan terimaan yang dibenarkan:

Seksyen 9(1) Akta Acara Kewangan 1957 (Akta 61)

“The financial authority may establish such trust accounts as may be deemed necessary for the proper accounting of moneys in the Consolidated Trust Account”.

Penubuhan AAIBES ialah untuk menerima sumbangan daripada Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) dan penjana-penjana bebas (*IPPs*) bagi pembangunan industri bekalan elektrik di negeri Sabah termasuk penyelidikan dan pembangunan sumber tenaga boleh baharu dan teknologi baharu, pembangunan sumber manusia dan penggalakan kecekapan elektrik.

3. OBJEKTIF PENUBUHAN AKAUN AMANAH INDUSTRI BEKALAN ELEKTRIK SABAH (AAIBES)

Akaun ini ditubuhkan dengan tujuan untuk menerima sumbangan daripada industri bekalan elektrik dan membiayai perbelanjaan yang menyumbang kepada pembangunan industri bekalan elektrik negeri Sabah.

4. PENGURUSAN AKAUN AMANAH INDUSTRI BEKALAN ELEKTRIK SABAH (AAIBES)

- 4.1. Pengurusan AAIBES diletakkan di bawah Jabatan Ketua Menteri, dengan Urusetia AAIBES di bawah Jabatan Kawalselia Ekonomi, Energy Commission of Sabah ('ECoS').

- 4.2. Tadbir urus dana AAIBES diletakkan di bawah **Jawatankuasa Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik Sabah (JAAIBES)** yang dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri dan ahli-ahli jawatankuasa yang berkaitan sebagai pemegang taruh.
- 4.3. JAAIBES dibantu oleh **Jawatankuasa Teknikal AAIBES (JTAAIBES)** bagi menilai dan melaksanakan saringan serta memperakukan permohonan yang layak mendapat pembiayaan.
- 4.4. **Jawatankuasa Pelaksanaan dan Pemantauan Projek AAIBES (JPPAAIBES)** pula diwujudkan secara pentadbiran untuk memantau semua program atau projek yang dibiayai menggunakan dana AAIBES mengikut kemajuan seperti dalam kontrak perjanjian yang telah dimeterai.
- 4.5. Objektif pengurusan AAIBES adalah seperti berikut:
 - 4.5.1. Menyelaras dan mengurus permohonan program/projek menggunakan pembiayaan dana AAIBES selari dengan objektif penubuhan akaun;
 - 4.5.2. Memastikan pemantauan pelaksanaan program/projek yang dibiayai dana AAIBES dengan berkesan; dan
 - 4.5.3. Mengurus tadbir dana AAIBES mengikut garis panduan yang ditetapkan selaras dengan peraturan kewangan dan pentadbiran yang berkuat kuasa dalam menjaga kepentingan Kerajaan Negeri Sabah

5. SKOP PEMBIAYAAN

- 5.1. Program/projek yang boleh dibiayai oleh dana AAIBES adalah di bawah perkara berikut:
- 5.1.1. program-program/projek-projek bekalan elektrik luar bandar yang diluluskan oleh JAAIBES;
 - 5.1.2. penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi industri bekalan elektrik termasuk R&D bagi pembangunan sumber-sumber tenaga teknologi baru dan tenaga boleh baharu;
 - 5.1.3. latihan dan pendidikan bagi pembangunan sumber manusia untuk sektor elektrik;
 - 5.1.4. program penggalakan penggunaan kecekapan elektrik;
 - 5.1.5. pembangunan dan promosi industri bekalan elektrik;
 - 5.1.6. mengurus impak tarif elektrik dengan pelan/program komunikasi;
 - 5.1.7. bayaran pendahuluan atau geran untuk projek-projek yang diluluskan oleh JAAIBES;
 - 5.1.8. bayaran saguhati kepada pakar bidang untuk membantu JAAIBES dalam memberikan khidmat nasihat teknikal (*Technical Advisory*) yang melibatkan program-program/projek-projek 5.1.1 hingga 5.1.6 mengikut kadar bayaran diluluskan oleh Kementerian Kewangan Negeri Sabah; dan
 - 5.1.9. Membuat pelaburan dalam simpanan tetap yang ditadbir oleh Jabatan Bendahari Negeri Sabah.


6. PERMOHONAN DANA AAIBES

6.1. Kelayakan permohonan

- 6.1.1. Pembiayaan ini terbuka kepada agensi-agensi Kerajaan, Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta, IPPs, Badan-Badan Berkanun dan organisasi berdaftar yang mempunyai kepakaran dan keupayaan dalam melaksanakan program/projek berkaitan.
- 6.1.2. Permohonan pembiayaan perlu menepati mana-mana program teras seperti perkara 5.1.1 hingga 5.1.8 sahaja.

6.2. Prosedur Permohonan Program/Projek

Terdapat tiga (3) fasa yang terlibat dalam permohonan program/projek di bawah pembiayaan dana AAIBES iaitu:



6.2.1. Fasa 1 : Permohonan

- i. Semua permohonan perlulah dikemukakan melalui email kepada Urusetia AAIBES iaitu aaibes@ecos.gov.my
- ii. Setiap permohonan program/projek akan disemak oleh Urusetia AAIBES Jabatan Kawalselia Ekonomi, ECoS dan permohonan yang tidak lengkap akan dikembalikan kepada pemohon sebelum proses saringan dan penilaian.

6.2.2. Fasa 2 : Penilaian dan kelulusan


- i. Permohonan yang lengkap akan melalui proses saringan dan penilaian oleh JTAAIBES sebelum diperakukan untuk pertimbangan JAAIBES bagi mendapatkan kelulusan pembiayaan.
- ii. JTAAIBES bertanggung jawab:
 - a. Melaksanakan saringan semua permohonan projek/program bagi memastikan skop permohonan program/projek menepati salah satu skop program/projek seperti 5.1.1 hingga 5.1.8;
 - b. Pemohon program/projek akan dimohon untuk membentangkan skop dan cadangan program/projek.
 - c. JTAAIBES akan menilai skop dan kos program/projek bagi memastikan program/projek yang akan dibiayai mempunyai manfaat kepada komuniti dan/atau menyumbang kepada pembangunan industri bekalan elektrik negeri Sabah.
 - d. JTAAIBES akan mengesyorkan program/projek yang boleh dibiayai oleh dana AAIBES untuk kelulusan JAAIBES.
- iii. Kriteria utama penilaian program/projek adalah seperti berikut:
 - a. Mematuhi tujuan penubuhan akaun amanah ini dan skop pembiayaan seperti di para 5.1.1 hingga 5.1.8;
 - b. Kesesuaian output projek perlu menyumbang

- terhadap pembangunan industri bekalan elektrik;
 - c. Jumlah pembiayaan yang dipohon hendaklah munasabah dan bersesuaian dengan skop kerja yang dilakukan;
 - d. Pembiayaan yang dimohon perlu meliputi kos projek termasuk SST dan gaji kakitangan kontrak untuk tempoh pelaksanaan projek berkaitan. Pembiayaan kos kakitangan tetap tidak dibenarkan; dan
 - e. Pelaksanaan projek menyumbang merit secara keseluruhan terhadap industri bekalan elektrik.
- iv. Kelulusan dan perakuan program/projek yang akan dibiayai oleh dana AAIBES akan dibuat dalam mesyuarat JAAIBES.
- a. Program/projek yang disyorkan oleh JAAIBES boleh diminta untuk dibentangkan sekali lagi oleh pemohon masing-masing dalam mesyuarat JAAIBES.
 - b. JAAIBES akan meluluskan dan memperakukan program/projek yang akan dibiayai oleh dana AAIBES.
 - c. Amaun pembiayaan yang diluluskan adalah berdasarkan kemunasabahan antara skop projek yang akan dilaksanakan dengan anggaran kos projek/program termasuk perbelanjaan lain yang berkaitan. Sekiranya amaun pembiayaan yang diluluskan tidak meliputi kos keseluruhan projek/program, sumber pembiayaan tambahan perlu diperoleh sendiri oleh penerima biaya.
 - d. Surat tawaran akan dikeluarkan kepada pemohon yang berjaya selepas diperakukan dalam mesyuarat JAAIBES.

6.2.3. Fasa 3 : Kontrak perjanjian

Penerima biaya perlu mengikat perjanjian dengan Kerajaan melalui ECoS

- i. Penerima biaya hendaklah mengemukakan draf perjanjian kepada Urusetia AAIBES **dalam tempoh 30 hari** daripada tarikh penerimaan surat tawaran untuk pertimbangan dan semakan pihak Kerajaan. Urusetia AAIBES berhak memanggil penerima biaya untuk perbincangan mengenai kontrak perjanjian bersama Pegawai Undang-undang ECoS untuk tujuan mempercepatkan proses meterai kontrak perjanjian.
- ii. Sebarang pindaan terhadap mana-mana klausa dalam dokumen perjanjian yang telah dimeterai perlu disemak semula oleh Pegawai Undang-undang ECoS serta mendapat kelulusan JPPAAIBES dan JAAIBES. Perubahan tanpa kelulusan akan menyebabkan kontrak perjanjian **TERBATAL**.
- iii. Penerima Biaya hendaklah mengemukakan sesalinan *softcopy* dokumen kontrak perjanjian serta **tiga (3) dokumen kontrak perjanjian** yang telah dijilidkan kepada Unit AAIBES untuk tujuan tandatangan oleh pihak Kerajaan.
- iv. Dua (2) kontrak perjanjian yang telah ditandatangani oleh kedua-dua pihak pemberi biaya dan pihak Kerajaan serta dimatikan setem hasil (*stamping*) perlu dikembalikan kepada Unit AAIBES untuk simpanan.
- v. Proses penyediaan draf, semakan, tandatangan dan setem hasil kontrak perjanjian hendaklah diselesaikan dalam tempoh **tidak melebihi 90 hari dari tarikh penerimaan surat tawaran**.



- vi. Segala kos penyediaan dokumen kontrak perjanjian hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh Penerima Biaya.
- vii. Permohonan secara bertulis untuk **pelanjutan kontrak perjanjian** hendaklah dibuat selewat-lewatnya tiga (3) bulan sebelum tamat tempoh perjanjian asal (*Principal Agreement*). JPPAAIBES akan mempertimbangkan permohonan berdasarkan justifikasi dan keperluan pelanjutan sebelum diluluskan. Perjanjian tambahan pelanjutan tempoh kontrak hendaklah disediakan selepas mendapat kelulusan bertulis dari Urusetia AAIBES, ECoS.

6.2.4. Fasa 3 : Pelaksanaan dan pemantauan program/projek

- i. Pemantauan projek akan dilaksanakan melalui :
 - a. Mesyuarat JPPAAIBES yang diadakan secara bulanan; dan
 - b. Lawatan ke tapak projek secara berkala oleh Urusetia AAIBES/wakil ECoS.
- ii. Penerima biaya juga hendaklah memastikan **pelaksanaan program/projek dimulakan dalam tempoh 90 hari** daripada tarikh penerimaan surat tawaran. Kemajuan projek hendaklah dibentangkan dalam mesyuarat JPPAAIBES dalam tempoh tersebut. **JAAIBES berhak membatalkan tawaran pembiayaan sekiranya pelaksanaan program/projek tidak dimulakan** dalam tempoh tersebut tanpa sebab yang munasabah.
- iii. Pemohon biaya digalakkan untuk menyediakan 10% daripada jumlah pembiayaan yang dimohon sebagai tanda komitmen terhadap program/projek. Ini adalah untuk membolehkan projek/program dimulakan secepat mungkin sebelum peruntukan pertama disalurkan. Sebarang kelewatan dalam pelaksanaan projek/program adalah di bawah tanggungjawab penerima biaya.
- iv. Penerima biaya bertanggungjawab sepenuhnya ke atas pelaksanaan projek/program. Sekiranya pelaksanaan projek/program didapati tidak memuaskan atau gagal mencapai objektif yang ditetapkan, tawaran pembiayaan boleh ditamatkan serta-merta dan baki peruntukan (jika ada) hendaklah dipulangkan kepada Dana AAIBES dan tindakan perundangan boleh diambil oleh ECoS ke atas penerima biaya. Penerima biaya akan disenaraihitamkan dan tidak akan dipertimbangkan untuk permohonan baru pada masa hadapan.

- v. Laporan kemajuan pelaksanaan program/projek hendaklah dibentangkan dalam mesyuarat JPPAAIBES yang diadakan secara bulanan. Format pembentangan akan dikemukakan oleh Urusetia AAIBES, ECoS. Sebarang isu pelaksanaan juga hendaklah dilaporkan dan dibincangkan dalam mesyuarat ini.
- vi. Perubahan skop program/projek tidak boleh dipinda secara bersendirian oleh pihak penerima biaya. Sebarang perubahan skop program/projek yang tidak melibatkan perubahan kos perlu mendapat kebenaran bertulis daripada Urusetia AAIBES, ECoS.

7. PENYALURAN PEMBIAYAAN PROGRAM/PROJEK

- 7.1. Penerima biaya diwajibkan membuka satu akaun bank khas untuk tujuan penyaluran pembiayaan AAIBES. Ia adalah bagi memastikan akauntabiliti pengurusan kewangan program/projek, mengelakkan sebarang kesulitan daripada mendapatkan amaun baki dana tersebut sekiranya terdapat masalah berkaitan dengan pelaksanaan program/projek serta mengelakkan percampuran wang daripada sumber lain yang diurus oleh organisasi penerima biaya.
- 7.2. Pembayaran akan dibuat kepada penerima biaya berdasarkan syarat-syarat yang terdapat dalam kontrak perjanjian.
- 7.3. Perakuan pembayaran kemajuan projek akan dilaksanakan dalam JPPAAIBES berdasarkan pembentangan oleh penerima biaya. **Invois** dan **perincian tuntutan bayaran** perlu dikemukakan kepada Urusetia AAIBES, ECoS bersama laporan kemajuan program/projek dan dokumen sokongan yang lengkap mengikut jadual pembayaran yang ditetapkan.
- 7.4. Semua urusan tuntutan dan pembayaran pembiayaan program/projek hendaklah dilakukan **dalam tempoh kuat kuasa kontrak perjanjian**. Pembayaran tidak akan diproses sekiranya tuntutan dikemukakan di luar tempoh kuat kuasa perjanjian. Sekiranya atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan tuntutan perlu dibuat di luar tempoh kuat kuasa kontrak perjanjian, penerima biaya hendaklah memohon pelanjutan tempoh kontrak secara bertulis (sebelum tarikh tamat kontrak perjanjian utama)

atau sekiranya berkaitan kelulusan khas Kementerian Kewangan perlu dimohon sebelum pembayaran dibuat.

- 7.5. Sekiranya laporan kemajuan program/projek tidak dapat dikemukakan mengikut jadual, penerima biaya perlu mengemukakan sebab yang munasabah dan mendapatkan kelulusan JPPAAIBES.
- 7.6. Penerima biaya digalakkan untuk menerbitkan keputusan dan faedah projek/program yang dilaksanakan dalam jurnal/persidangan/penerbitan tempatan dan luar negara. Walau bagaimanapun, demi menjaga kepentingan negeri Sabah, kelulusan bertulis perlu diperoleh daripada pihak Kementerian terlebih dahulu.
- 7.7. Pengiktirafan perlu diberikan kepada AAIBES atas pembiayaan projek/program dan dinyatakan sama ada dalam bentuk fizikal (papan tanda) atau secara bertulis di dalam sebarang penerbitan (media cetak, media elektronik dan sebagainya) seperti berikut:

(Nama Projek/Program) ini dibiayai oleh Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik Sabah (AAIBES)

diikuti dengan logo Kerajaan Negeri dan ECoS dan logo organisasi penerima biaya.

8. PENUTUPAN PROGRAM/PROJEK

- 8.1. Penerima biaya perlu mengemukakan laporan akhir pelaksanaan program/projek dan laporan kewangan yang diaudit oleh juruaudit bertaualiah kepada Urusetia AAIBES, ECoS dalam **tempoh perjanjian kontrak** serta membentangkan laporan akhir dalam Mesyuarat JPPAAIBES bagi tujuan penutupan projek.
- 8.2. Laporan akhir juga hendaklah mengandungi laporan *outcome* program/projek yang dilaksanakan dan perancangan masa hadapan (*way forward*) hasil projek di masa hadapan. Semua aset dan lokasi aset yang dibeli menggunakan pembiayaan program/projek juga hendaklah disenaraikan dalam laporan akhir.
- 8.3. Baki pembiayaan (selepas akaun diaudit) hendaklah dipulangkan kembali dalam dana AAIBES.

- 8.4. Surat penutupan program/projek hanya akan dikeluarkan selepas perkara 9.1 hingga 9.3 selesai dan diperakukan oleh JPPAAIBES.
- 8.5. Kementerian Kewangan / ECoS tidak seharusnya dipertanggungjawabkan ke atas mana-mana liabiliti selepas projek disiapkan termasuk penyelenggaraan (*maintenance*) dan lain-lain perkara berkaitan pelaksanaan projek seperti *repairing* / *dismantling* / *removing* / *restoring cost*.

9. PEMILIKAN ASET PROGRAM/PROJEK

- 9.1. Semua pembelian aset (perkakasan/peralatan/peranti) yang diperlukan dalam pelaksanaan program/projek yang diluluskan perlu direkodkan dan dilabelkan dengan nama program/projek untuk tujuan pemantauan dan verifikasi.
- 9.2. Sesalinan rekod semua aset yang terlibat dan lokasi aset hendaklah dikemukakan kepada Urusetia AAIBES, ECoS dan dinyatakan dalam laporan akhir.
- 9.3. Semua aset terlibat adalah dimiliki oleh penerima biaya termasuk penyelenggaraan selepas tamat tempoh kontrak perjanjian dan program/projek selesai dilaksanakan.
- 9.4. Walau bagaimanapun, aset yang berkaitan hendaklah dibenarkan untuk digunakan oleh penerima biaya dana AAIBES dalam pelaksanaan program/projek akan datang sekiranya terdapat keperluan.

10. HAK HARTA INTELEK

- 10.1. Penerima biaya juga digalakkan untuk memfailkan permohonan harta intelek (*Intellectual Property*) bagi hasil program/projek yang berkaitan selepas mendapat kelulusan JPPAAIBES. Penerima biaya hendaklah memaklumkan Urusetia AAIBES, ECoS secara bertulis kelulusan permohonan harta intelek yang diperolehi.
- 10.2. Hak harta intelek (*Intellectual Property rights*) yang diperolehi adalah **dimiliki oleh penerima biaya atau pemilikan secara bersama** antara penerima biaya dan Kerajaan.
- 10.3. Semua kos berkaitan permohonan harta intelek adalah dibiayai sepenuhnya oleh penerima biaya.

11. PENAMATAN PEMBIAYAAN PROGRAM/PROJEK

- 11.1. ECoS berhak untuk membatalkan kelulusan pembiayaan sekiranya perkara berikut berlaku:
 - 11.1.1. Penerima biaya memberikan maklumat palsu berkaitan program/projek
 - 11.1.2. Penyalahgunaan pembiayaan untuk tujuan selain pelaksanaan program/projek yang diluluskan
 - 11.1.3. Pelanggaran terma kontrak perjanjian
 - 11.1.4. Program/Projek **tidak dimulakan dalam tempoh 90 hari selepas surat tawaran ditandatangani** tanpa sebab munasabah dan makluman daripada penerima biaya
- 11.2. Bagi program/projek yang ditamatkan pembiayaannya, penerima biaya diminta memulangkan semula pembiayaan yang telah diterima.
- 11.3. ECoS juga berhak untuk mengkaji semula, menahan atau membatalkan tawaran pembiayaan sekiranya perlu atas sebab-sebab yang munasabah demi menjaga kepentingan Kerajaan dan pengurusan dana AAIBES.
- 11.4. Sebarang keputusan penamatan akan dimaklumkan kepada penerima biaya secara bertulis.

12. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB URUSETIA AAIBES, ECoS

- 12.1. Urusetia AAIBES, ECoS boleh MENCADANG PINDAAN terma dan syarat-syarat pembiayaan dari masa ke semasa sekiranya perlu dan munasabah.
- 12.2. Urusetia AAIBES, ECoS bertanggungjawab untuk mengatur mesyuarat-mesyuarat seperti berikut:
 - 12.2.1. Mesyuarat Jawatankuasa AAIBES
 - 12.2.2. Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal AAIBES
 - 12.2.3. Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan dan Pemantauan Projek AAIBES
- 12.3. Menyediakan dan mengedarkan minit-minit mesyuarat seperti di para 12.2.
- 12.4. Menyelaras permohonan dan penutupan program/projek di bawah pembiayaan dana AAIBES.
- 12.5. Menyenaraikan program/projek yang telah disaring dan dipertimbangkan oleh JTAAIBES untuk dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa AAIBES.

- 12.6. Melaksanakan pemantauan pelaksanaan program/projek di bawah pembiayaan dana AAIBES.
- 12.7. Mencadangkan jumlah peruntukan bagi tahun berikutnya serta agihan peruntukan setiap kategori mengikut bidang keutamaan dan kepentingan nasional; dan
- 12.8. Menguruskan terimaan daripada SESB dan IPP bagi tahun sebelumnya dan mengurus tadbir peruntukan tersebut tertakluk kepada tatacara kewangan yang berkuat kuasa.

13. PELAKSANAAN GARIS PANDUAN

- 13.1. Garis panduan ini berkuatkuasa pada tarikh 9 Ogos 2024.
- 13.2. Garis panduan ini perlu dibaca bersekali dengan Akta Tatacara Kewangan 1957 berkenaan Penubuhan dan Arahan Akaun Amanah di Bawah Seksyen 9 bagi Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik dan Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik Sabah.
- 13.3. Sekiranya terdapat percanggahan atau kekeliruan, perkara berkaitan akan dirujuk dan dimuktamadkan oleh JAAIBES.

14. PERTANYAAN

Untuk sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut berhubung dengan Garis Panduan ini sila hubungi:

Urusetia AAIBES
Jabatan Kawalselia Ekonomi
Energy Commission of Sabah
Tingkat 10, Plaza Shell
29, Jalan Tunku Abdul Rahman
88000 Kota Kinabalu
Sabah, Malaysia
No. Tel : 088-205 574
No. Faks : 088-205 741
E-mel : aaibes@ecos.gov.my

15. RUJUKAN

- 15.1. Akta Tatacara Kewangan 1957
- 15.2. Arahan Akaun Amanah AAIBES
- 15.3. Perintah Am dan Arahan Pentadbiran Yang berkaitan Dari Semasa ke Semasa
- 15.4. Pengurusan Wang Awam - WP 10.4 Tatacara Pengurusan Akaun Amanah Yang Ditubuhkan Di Bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957
- 15.5. Pekeliling-Pekeliling Perkhidmatan yang berkaitan dari masa ke semasa